



**KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA  
20 OKTOBER 2023**

**SANTAI BOWLING RAPATKAN HUBUNGAN CBP DAN MEDIA**

---

1. Bagi merapatkan lagi hubungan dengan media, Co-opbank Pertama (CBP) menganjurkan aktiviti Santai Bowling CBP Bersama Media yang diadakan di Ampang SuperBowl, Ampang Point, hari ini.
2. Program santai itu disertai hampir 80 orang pengamal media cetak dan eletronik serta turut disertai Ketua Pegawai Operasi, Encik Syaiful Arief Syah Mohamed Said.
3. Syaiful Arief Syah berkata, penganjuran aktiviti bowling ini bertujuan untuk merapatkan hubungan di antara CBP bersama pengamal-pengamal media.
4. "Media banyak memberi sokongan kepada CBP selama ini dan ini merupakan salah satu aktiviti yang kita anjurkan bagi merapatkan lagi hubungan antara CBP bersama media.
5. "Selain itu, aktiviti ini juga merupakan cara kita menghargai rakan-rakan media disamping berkenal-kenalan dengan media,"katanya menerusi satu kenyataan, hari ini.
6. Syaiful Arief Syah turut berkata, aktiviti bersama media akan sering diadakan di masa akan datang dalam usaha untuk menghargai sumbangan dan peranan media yang banyak memberi sokongan kepada CBP.

**-TERIMA KASIH-**

**Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 30 buah cawangan dan outlet Ar Rahnū di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnū. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

**Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama**

[ukk@cbp.com.my](mailto:ukk@cbp.com.my)